

'Pemutus litar' pastikan pasaran saham stabil

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan mekanisme 'pemutus litar' (*circuit breaker*) sebagai satu langkah memastikan kestabilan pasaran saham.

Beliau berkata, mekanisme itu akan berupaya menyekat sementara aktiviti perdagangan yang mengalami kejatuhan mendadak pada hari urus niaga.

"Sekatan ini adalah berdasarkan kepada had penggerak pratentu (*pre-determined trigger*)," kata beliau.

Mekanisme itu akan memberi masa kepada pelabur sebelum menyertai semula pasaran perdagangan dalam pasaran sa-

ham. "Ia juga bertujuan mengekalkan tahap keyakinan pelabur dan pasaran, terutama dalam persekitaran yang tidak menentu," kata beliau yang menambah, mekanisme itu lama diamalkan oleh negara-negara maju, kata beliau.

Beliau memberitahu, Suruhanjaya Sekuriti (SC) melonggarkan syarat bagi penyusunan semula syarikat-syarikat yang tersenarai yang berhadapan dengan masalah.

"Langkah ini termasuklah memperluaskan jenis aset dengan membenarkan pelaburan hartanah yang berkualiti tinggi dan berpendapatan stabil disuntik ke dalam syarikat tersebut," katanya.

"Sebagai tambahan, pe-

nubuhan *Real Estate Investment Trusts* (Pelaburan Amanah Hartanah) akan membantu usaha penyusunan semula syarikat tersebut," ujar beliau.

Bagi memperbaiki kedudukan kewangan syarikat bermasalah tersebut, Perdana Menteri berkata, syarat pembelian balik saham dilonggarkan lagi.

"Bagi syarikat tersenarai yang mempunyai kedudukan kewangan yang tidak memuaskan atau modal terbitan di bawah tahap minimum, lanjutan tempoh sehingga Disember 2002 diberikan bagi mematuhi peraturan dan syarat penyenaian di Bursa saham Kuala Lumpur," katanya.